

Untuk tingkatkan teknologi

# Galak kahwin korporat: PM

Oleh MUTAZAR ABDUL GHANI

**PETALING JAYA**, Isnin — Kerajaan akan terus **memberi** sokongan **kepada** syarikat yang melaksanakan program pembesaran dan mengamalkan 'perkahwinan korporat' dengan mempelbagaikan kegiatannya secara usahasama di negara **ini**.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, berkata langkah **seumpama** itu adalah perkembangan menggalakkan dan seharusnya **diconthi** kerana ia sebahagian strategi **perluasan** menyeluruh peringkat **antarbangsa** yang giat dilaksanakan oleh syarikat multinasional ketika **ini**.

"Memandangkan **pasaran** dunia semakin membesar dan berkembang **pada** dekad **1990-an**, strategi demikian adalah tepat **pada** masanya dan **saya** gembira dengan contoh 'perkahwinan korporat' di antara dua syarikat ternama, Kumpulan Philips dan JVC Corporation dari Jepun, yang **terbabit** dalam pengeluaran secara **usahasama** perakam kaset video dan **printed circuit board assemblies** untuk **pasaran** eksport.

"Kerajaan akan terus **memberi** sokongan **positif** kepada projek seumpama itu, terutama yang mengeluarkan **barangan** bernilai tinggi, mengandungi input teknologi terbaru serta menyumbang kepada peningkatan teknologi di kalangan pekerja tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika **merasmi-**

kan bangunan ibu pejabat Kumpulan Philips di Malaysia dan perayaan **ulang** tahun ke-100 kumpulan itu, di **sini**, hari **ini**.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keputusan menempatkan projek usahasama itu di Shah **Alam**, Selangor, **juga** mencerminkan **keyakinan** penuh Kumpulan Philips dan JVC **terhadap** kestabilan politik dan masa depan negara **ini**.

Beliau berkata, langkah itu **juga menunjukkan** iklim pelaburan yang disediakan oleh **kerajaan** untuk pelabur, adalah menarik dan menggalakkan.

Katanya, menyedari kepentingan pelaburan swasta termasuk dari luar negara, kerajaan akan terus mewujudkan suasana pelaburan menarik, termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan **galakan** cukai.

Menurutnya, komitmen kerajaan terhadap penyediaan infrastruktur yang **cukup bagi** memenuhi keperluan pelabur yang beroperasi di negara **ini**, dapat dilihat daripada **peruntukan** purata perbelanjaan pembangunan sektor pengangkutan sebanyak 18 peratus, **pada** setiap rancangan pembangunan lima tahun yang lalu.

"Kerajaan percaya penyediaan kemudahan infrastruktur yang **cukup pada** setiap **masa**, **amat** perlu **bagi** menarik pelaburan ke negara **ini**," katanya.

Mengenai industri elektronik, Yerdana Menteri berkata, **ia** adalah di antara sektor **kecil** penting dalam industri pembuatan di negara **ini** dan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

Katanya, **ini** dapat dilihat **daripada** jumlah nilai **pengeluaran** industri **elektronik pada** 1990, yang mencapai **paras** \$20.3 bilion dan menyediakan 144,000 peluang pekerjaan.